



Hijaukan Dunia

Sistem pintar ciptaan tiga pelajar UM juara cabaran

Khairunnisa Kamarudin

UNIVERSITI Malaya (UM) menjuarai pertandingan akhir cabaran Hijaukan Dunia di Kampus anjuran agensi pengurusan tenaga global berpangkalan di Perancis, Schneider Electric.

UM Team, diwakili tiga pelajar tahun akhir jurusan kejuruteraan membawa pulang wang tunai RM15,000, sijil penyertaan dan trofi.

Tempat kedua dimenangi pasukan Eco University dari Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang membawa pulang RM10,000, trofi dan sijil manakala tempat ketiga dimenangi kumpulan Green Tech Team juga dari UM yang membawa pulang RM5,000.

Ahli UM Team, Lee Meng Tat, 24, berkata mereka tidak tidur lebih 48 jam semata-mata untuk menyiapkan prototaip projek bertemakan sistem pintar.

"Kami berusaha sedaya upaya menyiapkan projek ini sejak sebulan lalu. Bagaimanapun, berlaku sedikit masalah teknikal sehari sebelum hari pengumuman pemenang maka ahli menyusun semula peralatan ini.

"Masalah berkenaan tidak mematahkan semangat kami untuk meneruskan usaha dan saya rasa pengorbanan berbaloi apabila diumumkan sebagai juara.

"Kami akan menggunakan wang ini untuk meningkatkan prestasi dan sistem pada projek," katanya ketika ditemui

pada majlis penyampaian hadiah sempena pertandingan berkenaan di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Presiden Negara Schneider Electric Malaysia, Peter Cave, berkata sambutan tahun ini menggalakkan dengan 55 pasukan dari 13 institusi pengajian tinggi (IPT) menyertainya.

Program tahunan itu, kata beliau bertujuan meningkatkan kesedaran generasi muda terutama pelajar IPT mengenai kepentingan menjimatkan tenaga.

Setiap tahun katanya, 10 pasukan dari IPT menempati menyertai pertandingan akhir dan juara akan mewakili negara pada pertandingan peringkat Asia Tenggara.

Peserta daripada pasukan

UM dan UCSI University masing-masing dua pasukan. Universiti Sains Malaysia (tiga pasukan), UTAR, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Kolej Inti, masing-masing satu pasukan.

"Pemilihan berdasarkan kriteria ditetapkan iaitu 30 peratus idea & inovasi, diikuti kerumitan dan tahap kesukaran reka bentuk (20 peratus), keberkesanan cekap guna tenaga (30 peratus) dan keberhijauan serta kesesuaian (20 peratus).

"Kami juga mengadakan soal selidik yang mendapati 98 peratus daripada 450 responden terdiri daripada pelajar IPT, masing-masing percaya industri teknologi hijau berpotensi berkembang pada masa akan datang," katanya,